

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
TARIKH : 24 November 2014 (Isnin)
SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan pertanian organik di Malaysia.

JAWAPAN :
Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertanian organik oleh pengusaha di Malaysia melalui pelaksanaan Natural Farming, vermikompos, pembuatan bokashi dan pembuatan Mikroorganisma Berfaedah (EM) disamping memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan teknologi pertanian organik. Sehingga kini, sebanyak 137 ladang dengan keluasan 1,727.85 hektar telah mendapat pengiktirafan Skim Organik Malaysia (SOM). Antara tanaman yang ditanam adalah buah-buahan, sayur-sayuran, padi, cendawan dan herba.

Di samping itu, Jabatan Pertanian juga melaksanakan kursus dan latihan berkaitan pertanian organik kepada golongan sasaran secara berkala di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 13 kursus / latihan telah dilaksanakan yang melibatkan 335 orang pengusaha.